

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir semua projek di bawah PFI I dan PFI II dan status siap bagi setiap projek-projek ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 di Parlimen pada 31 Mac 2006, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dengan dana sebanyak RM20 bilion (PFI 1) dan semasa pembentangan Bajet 2012 dan 2013, Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas

yang dibiayai melalui PFI sebanyak RM12 bilion (PFI 2).

Perolehan dana dilakukan melalui Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) iaitu sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle-SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Penubuhan syarikat ini bertujuan untuk memperoleh dana bagi membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang dikenalpasti oleh Kerajaan disamping dapat mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan terutamanya projek-projek infrastruktur seperti sekolah, universiti, hospital, penjara dan sebagainya memandangkan peruntukan dibawah Belanja Pembangunan (DE) adalah terhad. PPFI hanya berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara. Dana tersebut digunakan bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang telah dikenal pasti. Pelaksanaan projek-projek di bawah dana PFI ini termasuk penentuan siling projek, perolehan, pelaksanaan dan pemantauan projek berkenaan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian/ Agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada. Perbezaannya

hanya dari aspek pembiayaan, yang mana sumber dana diperoleh melalui PFI dan bukannya melalui peruntukan lazim DE.

Sehingga 30 April 2015, sebanyak 526 projek (96.2%) daripada 547 projek di bawah PFI 1 telah siap dilaksanakan. Bagi PFI 2 pula, terdapat 339 projek yang dikenalpasti dan 77 projek (22.7%) telah siap sepenuhnya manakala 262 projek/program lagi masih di peringkat pra pembinaan atau pelaksanaan dan peringkat pembinaan atau pelaksanaan.